

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 5 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13630
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Dasar Gaji Progresif dalam meningkatkan taraf hidup pekerja dan adakah insentif tambahan akan diberikan kepada majikan untuk mempercepatkan pelaksanaannya.
2. PN-1541-L13454
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan peratusan kemajuan semasa pelaksanaan projek fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak setakat ini dan bilakah jangkaan projek ini akan siap sepenuhnya.
3. PN-1541-L13462
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana cadangan Rang Undang-undang Pembaharuan Semula Bandar (*Urban Renewal Act*) dapat memperkukuhkan aspek perumahan Bumiputera.
4. PN-1541-L13778
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dirangka dalam menangani serta mengawal penggunaan rokok elektronik (*vape*) oleh pelajar sekolah kerana peratusan penggunaan *vape* oleh pelajar sekolah semakin hari semakin meningkat.

5. PN-1541-L13282
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah mekanisme utama yang telah disusun oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu pembangunan semula Gaza serta perancangan kerjasama strategik dengan pihak antarabangsa, termasuk NGO dan pihak swasta untuk memastikan pembangunan semula Gaza dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.
6. PN-1541-L13582
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan peruntukkan dan perbelajaan tanggungjawab korporat sosial (CSR) Yayasan Bank Rakyat pada tahun 2024 dan tumpuan sasaran agihan peruntukan ini kepada kawasan atau Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang dibantu.
7. PN-1541-L13649
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kerjasama yang telah diwujudkan oleh Kerajaan dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk menangani jenayah penipuan siber, perjudian dan aktiviti jenayah rentas sempadan dan sejauh manakah kerjasama tersebut telah membuahkan hasil.
8. PN-1541-L13792
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penjelasan berkenaan pelan tindakan mempercepatkan pembinaan 5,000 unit PPR di Sabah yang dimohon Kerajaan Negeri pada 2024 serta strategi mengatasi cabaran, termasuk status projek sakit yang diambil alih, dipulihkan atau dihentikan di Sabah.
9. PN-1541-L13659
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat ketetapan dalam mengiktiraf bahawa 9 Ogos setiap tahun sebagai Hari Orang Asal peringkat kebangsaan sebagaimana yang diisytiharkan oleh PBB melalui United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples (UNDRIP).
10. PN-1541-L13562
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah mengaplikasikan kecanggihan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk menangani kes melibatkan penipuan atau 'scam' dalam talian.

11. PN-1541-L13128
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi membantu pembangunan dan menaik taraf Sekolah Pendidikan Khas dan berapakah nilai peruntukan yang telah diagihkan bagi tahun 2024.
12. PN-1541-L13392
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menaik taraf Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang terdapat di kawasan pedalaman Sarawak dan apakah perancangan Kementerian bagi meningkatkan jumlah KRT berdaftar bagi tahun 2025.
13. PN-1541-L13218
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan pelan cadangan susulan daripada arahan yang diterima oleh 20 Universiti Awam untuk menubuhkan Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) dan sejauh mana universiti awam dalam negara telah mula melaksanakannya serta apakah jenis kursus yang akan ditawarkan di bawah fakulti tersebut.
14. PN-1541-L13425
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah mitigasi dan kawalan oleh Kerajaan dalam menyekat operasi sindiket penyeludupan manusia yang menggunakan modus operandi menerusi akaun TikTok atau Facebook untuk mengiklankan khidmat membawa pulang pendatang asing tanpa izin (PATI) secara haram.
15. PN-1541-L13511
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil untuk menangani kes pemalsuan dokumen rasmi seperti kad pengenalan, pasport dan dokumen imigresen serta keberkesanan penggunaan teknologi baharu bagi mencegah pemalsuan dokumen.
16. PN-1541-L13538
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenaikan kos Haji yang terpaksa ditanggung oleh rakyat baru-baru ini serta apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk membantu golongan B40 dari segi kos menunaikan Haji dan rayuan untuk mengerjakan Haji.

17. PN-1541-L13519
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah dapatan awal daripada peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah terlibat menjalani latihan percubaan PLKN 3.0.
18. PN-1541-L13874
Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha untuk meningkatkan nilai Bahasa Melayu dalam penerbitan ilmiah dalam keadaan penarafan (*ranking*) yang diamalkan di universiti-universiti kini amat jelas menjurus kepada penerbitan ilmiah dalam Bahasa Inggeris.
19. PN-1541-L13148
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang keharmonian agama (Religious Harmony Act) bagi mengatasi masalah polemik agama yang semakin berleluasa di negara kita sejak kebelakangan ini.
20. PN-1541-L13854
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini cadangan penggabungan tujuh agensi penguatkuasaan di bawah KPKM bagi membentuk Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) dalam usaha meningkatkan penguatkuasaan terhadap semua aspek industri pertanian dan penternakan di negara ini.
21. PN-1541-L13552
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan inisiatif yang dilaksanakan oleh industri sawit Malaysia dalam menyokong pemuliharaan alam sekitar dan konservasi biodiversiti dan sejauh manakah Kementerian menilai keterlibatan menyeluruh syarikat-syarikat berkaitan industri sawit dalam menyokong usaha murni ini.
22. PN-1541-L13352
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana sesi libat urus mengenai Akta Perolehan Kerajaan telah dilaksanakan serta apakah syor awalan yang disenaraikan setakat ini ke arah pengubalan akta tersebut.

23. PN-1541-L13801

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status permohonan keahlian BRICS dan impak keahlian tersebut terhadap perdagangan dengan Amerika Syarikat.

24. PN-1541-L13671

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menilai impak ekonomi daripada pelancongan perubatan kepada ekonomi Malaysia dan apakah penunjuk prestasi yang digunakan.

25. PN-1541-L13178

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah impak daripada pelaksanaan Program Anak Kita bagi mencegah masalah keciciran pendidikan khususnya di Sabah.

26. PN-1541-L13140

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) adakah wujud satu sistem yang mempromosikan sokongan secara holistik kepada OKU untuk membantu mereka mengekalkan pekerjaan mereka atau *Sustainable Employment*, dan

(b) adakah wujud latihan vokasional di institusi awam yang berkesan dan boleh diakses untuk golongan tersebut.

27. PN-1541-L13245

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kementerian untuk mengatasi isu kadar air tidak berhasil (NRW) di Perlis yang merupakan tertinggi dalam negara iaitu kira-kira 62 peratus.

28. PN-1541-L13208

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan terkini untuk pemberhentian kaedah Pukat Tunda Kenka di Daerah Kerian dari sudut garis-masa dan cadangan alternatif kepada nelayan yang akan terkesan dengan pemberhentian ini .

29. PN-1541-L13496

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk mengatasi masalah jalan berlubang dan tidak rata di kebanyakan laluan utama terutamanya semasa dan selepas musim hujan dan banjir yang melanda negara di mana kegagalan jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ini akan membahayakan pengguna jalan raya dan mendedahkan Kerajaan kepada tuntutan ganti rugi di mahkamah.

30. PN-1541-L13442

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah peratusan kemajuan projek Jalan Luar Bandar (JALB) di Sarawak yang telah disiapkan mengikut jadual, termasuk status projek-projek sakit di bawah Kementerian.

31. PN-1541-L13701

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memperkukuhkan kerjasama dengan platform seperti Meta/TikTok untuk menyekat propaganda yang semakin melampau.

32. PN-1541-L13587

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap cadangan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump berkenaan pengambilalihan Gaza.

33. PN-1541-L13722

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan memastikan bahawa fasa kedua pendaftaran untuk program Pangkalan Data Utama (PADU) akan berjaya.

34. PN-1541-L13305

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah Kementerian bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani masalah kesesakan yang berpunca daripada pembangunan pesat di kawasan bandar.

35. PN-1541-L13474

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam merealisasikan sasaran kelima dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu sasaran memperkasakan semua golongan wanita dalam kalangan kakitangan awam dan tentera serta ahli keluarga mereka.

36. PN-1541-L13272

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendekatan terkini Kerajaan dalam menyelesaikan pertikaian wilayah dengan negara jiran seperti isu Pulau Sipadan dan Ligitan dan bagaimanakah Kerajaan memastikan kepentingan Malaysia terpelihara dalam perbincangan berkaitan sempadan maritim dan darat.

37. PN-1541-L13384

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan statistik kadar kemiskinan mengikut kaum utama negara dan kadar kejayaan program untuk menoktahkan kemiskinan dalam golongan Bumiputera.

38. PN-1541-L13434

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah penambahbaikan yang telah dan sedang disusun atur oleh Kementerian berkenaan laluan kerjaya dan peluang kenaikan pangkat bagi jururawat lelaki dalam sektor kesihatan bagi menjadikan bidang ini lebih menarik kepada mereka.

39. PN-1541-L13300

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebagai ahli, sejauh manakah resolusi Commonwealth Parliamentary Association (CPA) selepas Pandemik COVID-19 yang telah dipersetujui bersama dengan komitmen dan tanpa komitmen telah diguna pakai melalui polisi di Malaysia.

40. PN-1541-L13360

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah usaha ke arah pembesaran 'kek' ekonomi negara dapat dinikmati secara adil oleh segenap lapisan masyarakat, tanpa dimonopoli oleh golongan tertentu sahaja.

41. PN-1541-L13721

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah projek bagi menaik taraf klinik atau hospital yang akan dilaksanakan mengikut jenis, kos dan kawasan Parlimen di Sarawak bagi tahun 2025 serta langkah yang diambil bagi memastikan projek-projek ini dapat dimulakan pada tahun semasa.

42. PN-1541-L13678

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah permohonan untuk mewujudkan SMJK Tamil yang diterima oleh Kementerian untuk 10 tahun terakhir dan dipertimbangkan secara serius serta diluluskan; dan
- (b) apakah hala tuju kerajaan dalam mewujudkan SMJK Tamil, khususnya di lokaliti dengan peratusan penduduk India yang tinggi.

43. PN-1541-L13740

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) tujuan untuk meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 untuk memasukkan peraturan pembangunan komersial; dan
- (b) bagaimanakah hal ini akan memberi kesan kepada industri hartanah.

44. PN-1541-L13646

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratusan pelatih berbangsa India yang mengikuti kursus Latihan Separa Perubatan dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan peratusan pelatih berbangsa India.

45. PN-1541-L13831

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perkembangan projek penggantian paip lama di Kelantan di bawah Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan apakah masalah utama yang dihadapi oleh PAAB dalam program tersebut.

46. PN-1541-L13188

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan dalam usaha untuk menangani masalah banjir di Sarawak dan Sabah baru-baru ini yang dikatakan antara penyebabnya adalah sistem perparitan yang kurang efisien; dan
- (b) sama ada Kerajaan mengenal pasti kekurangan efisiensi sistem perparitan ini di Bintulu dan Miri.

47. PN-1541-L13484

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah produk makanan dari luar negara boleh disemak status halalnya dengan menggunakan portal Halal Malaysia atau aplikasi *Verify Halal* seperti mana semakan pengguna kepada produk-produk makanan keluaran tempatan.

48. PN-1541-L13168

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Komuniti Desa MADANI (JKDM) yang dilantik khususnya di Sabah.

49. PN-1541-L13111

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Ikhtiar SejaTi MADANI yang akan disalurkan kepada Sarawak pada tahun 2025.

50. PN-1541-L13499

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan mekanisme untuk menentukan keutamaan projek dan bagaimana Kementerian memastikan pelaksanaan projek menaik taraf jambatan usang dan jalan kampung berjalan lancar serta memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar khususnya di Negeri Kedah.

51. PN-1541-L13340

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung kewajaran meningkatkan harga belian padi yang rendah dan menekan kehidupan para pesawah ketika ini.

52. PN-1541-L13233

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula elaun kepada Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan setelah sekian lama tidak dibuat memandangkan tanggungjawab yang lebih besar, lebih kompleks termasuk pentadbiran, kepimpinan, kurikulum, pengurusan sumber manusia dan pelaksanaan dalam teknologi pendidikan dan membantu mereka berinovasi.

53. PN-1541-L13822

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk melindungi hak keagamaan pelajar bukan Muslim dari Sarawak dan Sabah di institusi pengajian tinggi, berikutan kontroversi di Universiti Teknologi MARA baru-baru ini.

54. PN-1541-L13262

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk melestarikan warisan kampung tradisional serta memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan.

55. PN-1541-L13885

Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan induk Tahun Melawat Malaysia 2026 yang tuntas dan adakah rancangan tersebut melibatkan semua pemegang taruh berkepentingan dalam bidang yang berkaitan, termasuk seni budaya dan warisan ketara dan warisan tidak ketara negara.

56. PN-1541-L13748

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi ekonomi Malaysia daripada risiko krisis kewangan global termasuk kejatuhan dolar AS dan ketidakstabilan mata wang digital; dan
- (b) adakah Bank Negara bersedia menghadapi '*de-dollarisation*' dan memastikan kestabilan Ringgit tanpa menyebabkan inflasi tinggi, kejatuhan nilai simpanan rakyat atau peningkatan kos sara hidup yang membebankan.

57. PN-1541-L13325

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membangunkan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM yang pertama di Sabah memandangkan negeri ini belum mempunyai kompleks pendaratan ikan walaupun Sabah adalah antara negeri pengeksport hasil laut yang utama.

58. PN-1541-L13572

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kerajaan dalam menangani peningkatan kes kebangkrutan dalam kalangan golongan muda yang disebabkan oleh pinjaman peribadi; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan literasi kewangan dalam kalangan golongan ini.

59. PN-1541-L13607

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah *hot spot* dan yang direkodkan berlakunya kemalangan maut melibatkan kenderaan berat di setiap negeri dan sejauh mana usaha JKR, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat konsesi untuk menyelenggara kawasan tersebut supaya lebih selamat.

60. PN-1541-L13404

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan penyertaan golongan muda dalam program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

61. PN-1541-L13160

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membubarkan atau menggantikan Ombudsman for Financial Services yang setakat ini terlalu memihak institusi perbankan sehingga kepentingan pengguna institusi kewangan langsung tidak dilindungi.

62. PN-1541-L13665

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bila dan bagaimanakah penggantian kain pakaian seragam kepada PTJ yang berkaitan akan dilaksanakan seperti yang dimaklumkan kepada YB Bagan di Dewan Rakyat yang bertarikh 5 Februari; dan

- (b) adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan Bayaran Upah Jahit dan menyerahkan pembelian kain kepada staf.
63. PN-1541-L13407
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah mitigasi dan persediaan Kerajaan dalam menghadapi krisis perubahan iklim khususnya membabitkan isu ketidaktentuan cuaca yang melanda selaras dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2025.
64. PN-1541-L13772
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah inisiatif terkini Kerajaan untuk meningkatkan lagi kerjasama ekonomi dengan Kerajaan Sarawak.
65. PN-1541-L13372
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian Kerajaan terhadap langkah yang diambil oleh Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump yang mencadangkan penempatan semula penduduk Palestin secara kekal di luar wilayah; dan
- (b) apakah bentuk sokongan Kerajaan untuk pembangunan semula Palestin.
66. PN-1541-L13866
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah hasil sesi libat urus di seluruh negara bagi memuktamadkan keputusan Kementerian berhubung pelaksanaan tempoh bekerja 45 jam bagi petugas syif termasuk jururawat, penolong pegawai perubatan dan pemandu ambulans.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah
(4 Mac 2025)**

- | | | |
|----|--|-------------------------------|
| 2. | *(D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 3. | *(D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 4. | *(D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Perpaduan Negara] | |

5. *(D.R.47/2024) Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

6. *(D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. *(D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

8. *(D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

9. *(D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

10. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

11. *(D.R.6/2025) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

12. *(D.R.7/2025) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

13. *(D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Kewangan]

14. *(D.R.9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Perdana Menteri]

15. *(D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Ekonomi]

16. *(D.R.11/2025) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

17. *(D.R.12/2025) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

18. *(D.R.13/2025) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. *(D.R.14/2025) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Kewangan]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat Oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.